

**KERTAS CADANGAN PERMOHONAN TAMBAHAN PERUNTUKAN BAGI
PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN KOMPLEKS MPC WILAYAH
SARAWAK**

TAJUK	Permohonan tambahan peruntukan bagi perkhidmatan kawalan keselamatan kompleks Mpc Wilayah Sarawak
LATAR BELAKANG Pernyataan Masalah	Kontrak Perkhidmatan Kawalan Keselamatan di MPC Wilayah Sarawak pada ketika ini ialah Dayacop Security Services Sdn Bhd yang telah bermula menyediakan kerja-kerja perkhidmatan bermula daripada 1 September 2021 sehingga 31 Ogos 2023. Kadar kontrak syarikat sedia ada sekarang adalah RM7,332.44 sebulan atau RM176, 978.66 bagi tempoh 24 bulan (1 September 2022 – 31 Ogos 2023). Mengikut Perintah Gaji Minimum 2022, bermula 1 Mei 2022, gaji minimum untuk pekerja di seluruh Malaysia ditetapkan pada RM 1,500.00 seorang. Dengan kenaikan gaji minimum ini, syarikat Dayacop Security Services Sdn Bhd memohon agar MPC dapat menambah harga kontrak sebanyak RM 1,408.10 (untuk 3 orang pengawal keselamatan) sebulan atau RM 22,529.60 (16 bulan – 1 Mei 2022 hingga 31 Ogos 2023).
OBJEKTIF	Penambahan harga kontrak ini adalah bagi menampung kos kenaikan gaji minimum, KWSP dan SOCSO sahaja dan tidak melibatkan sebarang penambahan kos dari segi bahan-bahan dan keuntungan syarikat.
SKOP BI Inisiatif, GRP, Regulatory Delivery, MyMudah, Business Licensing, Agile Regulation	Tidak berkaitan
OUTPUT Bil. Laporan (Preliminary and Final Report)	Tidak berkaitan
TEMPOH MASA Tarikh akhir projek November 2022	1 Mei 2021 – 31 Ogos 2023
ANGGARAN KOS	Kos yang terlibat RM 1,408.10 (untuk 3 orang pengawal keselamatan) sebulan atau RM 22,529.60 (16 bulan – 1 Mei 2022 hingga 31 Ogos 2023).
PEMBEKAL Untuk Inisiatif BI, pembekal perlu mengikuti kursus BI yang dianjurkan oleh MPC	Melalui peti sebutharga dan Mesyuarat Sebutharga A

KUMPULAN SASARAN ii. Sektor/Perniagaan ii.Kementerian/Agensi/Kerajaan Negeri/Kerajaan Tempatan	Tidak berkaitan
UNIT/ BAHAGIAN	MPC Sarawak

KERTAS CADANGAN PERMOHONAN TAMBAHAN PERUNTUKAN BAGI PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN KOMPLEKS MPC WILAYAH SARAWAK

1.0 Tujuan

- 1.1 Kertas cadangan ini bertujuan untuk mendapat pertimbangan dan kelulusan Lembaga Pengurusan Permohonan tambahan peruntukan bagi perkhidmatan kawalan keselamatan kompleks MPC Wilayah Sarawak bagi tempoh 16 bulan, 1 Mei 2022 hingga 31 Ogos 2023.

2.0 Latarbelakang

- 2.1 Kontrak Perkhidmatan Kawalan Keselamatan di MPC Wilayah Sarawak pada ketika ini ialah Dayacop Security Services Sdn Bhd yang telah bermula menyediakan kerja-kerja perkhidmatan bermula daripada 1 September 2021 sehingga 31 Ogos 2023.
- 2.2 Mesyuarat sebut harga A Bil 779/2021 bertarikh 17/07/2021 telah meluluskan peruntukkan bagi perkhidmatan kawalan keselamatan di kompleks MPC Wilayah Sarawak bagi tempoh 24 bulan, sila rujuk **Lampiran 1**.
- 2.3 Kadar kontrak syarikat sedia ada sekarang adalah RM7,332.44 sebulan atau RM176, 978.66 bagi tempoh 24 bulan (1 September 2021 – 31 Ogos 2023).
- 2.4 Mengikut Perintah Gaji Minimum 2022, bermula 1 Mei 2022, gaji minimum untuk pekerja di seluruh Malaysia ditetapkan pada RM 1,500.00 seorang.
- 2.5 Dengan kenaikan gaji minimum ini, syarikat Dayacop Security Services Sdn Bhd memohon agar MPC dapat menambah harga kontrak sebanyak RM 1,408.10 (untuk 3 orang pengawal keselamatan) sebulan atau RM 22,529.60 bagi 16 bulan – 1 Mei 2022 hingga 31 Ogos 2023.

3.0 Justifikasi

- 3.1 Penambahan harga kontrak ini perlu bagi memastikan gaji minimum yang telah ditetapkan dalam Perintah Gaji Minimum 2022 dipatuhi.

- 3.2 Dengan mematuhi kadar bayaran gaji minimum ini, kebajikan pekerja-pekerja yang menjalankan perkhidmatan kawalan keselamatan di MPC Wilayah Sarawak terjaga.
- 3.3 Perkhidmatan kawalan keselamatan yang disediakan oleh Dayacop Security Services Sdn Bhd ketika ini memuaskan dan tahap keselamatan di kawasan bangunan sentiasa dalam keadaan terkawal dan selamat.
- 3.4 Perkhidmatan kawalan keselamatan amat perlu dalam menjaga keselamatan asset yang ada di kawasan dan di dalam bangunan MPC Sarawak.

4.0 Kos yang terlibat

- 4.1 Permohonan tambahan peruntukan harga kontrak adalah sebanyak RM 22,529.60 untuk tempoh 16 bulan daripada 1 Mei 2022 hingga 31 Ogos 2023.
- 4.2 Tambahan harga kontrak, akan menjadikan kos keseluruhan untuk kontrak kawalan keselamatan di MPC Wilayah Sarawak kini menjadi RM 139,848.80 daripada harga asal kontrak iaitu RM 117,319.04 bagi tempoh 16 bulan.
- 4.3 Bayaran sebulan kini menjadi RM 8,740.55, dimana sebelum ini sebanyak RM 7,332.44. Peningkatan kos sebanyak RM 1,408.10 ini adalah untuk menampung kos kenaikan gaji bagi 3 orang pengawal keselamatan (RM 469.37).
- 4.4 Perbandingan harga kontrak sebelum dan selepas permohonan tambahan peruntukan serta pecahan kenaikan kos di **Lampiran 2**.
- 4.5 Surat permohonan tambahan harga kontrak daripada Dayacop Security Services Sdn Bhd seperti di **Lampiran 3**.

5.0 Penutup

- 5.1 Lembaga Pengurusan MPC adalah dipohon untuk mempertimbangkan **Permohonan Penambahan Peruntukan** bagi Perkhidmatan Kawalan Keselamatan di MPC Wilayah Sarawak **sebanyak RM 1,408.10 (untuk 3 orang pengawal keselamatan) sebulan atau RM 22,529.60 bagi tempoh 16 bulan.**

Disediakan oleh



Nancy Anak Joan
Penolong Pengurus
MPC Wilayah Sarawak
11 Mei 2022

Disemak oleh:



Hafiza Atha Ahmad
Pengurus
MPC Wilayah Sarawak
11 Mei 2022

Disahkan oleh:



Nor Hafizah Mohd Arop
Pengarah
MPC Wilayah Sarawak
11 Mei 2022

Maklumbalas Minit Mesyuarat Jawatankuasa Sebutharga A Bil 779/2021

7/18/2021

oa.mpc.gov.my/prod/emas.na/fReadBOM.asp?documentId=D8148D17A0062E4D4625870E0019E4D6&action=editDocument

KERATAN MINIT MESYUARAT LEMBAGA PENGURUSAN MPC

Bil. : 779/2021

Tarikh: 17/07/2021

NANCY JOAN

PERMOHONAN KELULUSAN ANGGARAN BAJET DAN SPESIFIKASI PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN DI KOMPLEKS MPC WILAYAH SARAWAK (SKO) BAGI TEMPOH 24 BULAN

KOS: **RM 240,000.00**

K/WANG MENGURUS-PERKHIDMATAN 29000 Perkhidmatan Iktisas dan Perkhidmatan Lain Yang
& BEKALAN Dibel dan Hospitaliti

Mesyuarat telah menimbangkan kertas cadangan di atas dan mengambil keputusan berikut:

KEPUTUSAN	KOD	CATATAN
DILULUSKAN	9 (779)	Ulasan Dato' KP: Setuju Ulasan TKP OED: Setuju - Ambil perhatian kepada catatan KA dan Pengarah MSF. Ulasan Pengarah MSF: Setuju - Harga kontrak dicadangkan dihadkan sekitar RM7500 sebulan.

Disediakan oleh:

()

Seliasaha

Lembaga Pengurusan MPC

s.k 1. KETUA AKAUNTAN

2.Semawi Zakaria

Jadual Perbandingan Harga Kontrak Sebelum dan Selepas Tambahan Harga

	Sebelum	Selepas
Jumlah Keseluruhan (1 Mei 2022 hingga 31 Ogos 2023)	RM 117, 637.40	RM 139,848.77
Bayaran Bulanan	RM 7,332.44	RM 8,740.55
Perbezaan (Tambahan) 3 Orang Pengawal Keselamatan	RM 1,408.10 (RM 469.37 seorang)	

**Harga adalah termasuk caj 6% SST*

Pecahan Kenaikan Kos Melibatkan

No.	Perkara	Harga Lama (RM)	Harga Baru (RM)	Perbezaan Jumlah Keseluruhan (RM)
1.	Gaji Pokok	1,200.00	1,500.00	300.00
2.	Elaun Lebih Masa	200.00	300.00	100.00
2.	Sumbangan Majikan (KWSP)	156.00	195.00	39.00
3.	Sumbangan Majikan (SOC SO)	23.65	30.65	7.00
4.	Sumbangan Majikan (EIS)	2.70	3.50	0.80
5.	Human Resources Development Fund (HRD)*	12.00	15.00	3.00
Jumlah Keseluruhan <i>Tanpa caj 6% SST</i>				442.80

*Catatan: Untuk HRDF, majikan perlu membayar 1% daripada gaji asas + elaun tetap pekerja setiap bulan (untuk syarikat yang telah melebihi 10 orang pekerja keseluruhan).

Surat Permohonan Kenaikan Harga Kontrak Dayacop Security Services Sdn Bhd



DAYACOP SECURITY SERVICES SDN BHD (259999-B)

Rujukan: DSS/SLMM/16/2022
Tarikh: 29 April 2022

Pengarah
Pejabat Wilayah Sarawak
PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA (MPC)
Lot 894, Lorong Demak Laut 3A,
Jalan Bako, Taman Perindustrian Demak Laut
93050 Kuching
Sarawak

U/P : NOR HAFZAH MOHD AROP; NANCY ANAK JOAN

Puan,

No. Perjanjian : MPC (SKO) 200-S/16/2021
PERMOHONAN KENAIKAN HARGA KONTRAK MULAI 1 MEI 2022

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Selaras dengan kenaikan gaji minimum sektor swasta sebanyak RM 1,500.00 mulai 1 Mei 2022, pihak syarikat ingin membuat permohonan bagi kenaikan harga caj perkhidmatan kawalan keselamatan dalam kontrak ini. Hal ini adalah untuk memastikan pihak syarikat boleh menanggung segala perbelanjaan tambahan yang diperlukan dari segi kenaikan gaji pengawal keselamatan serta caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

3. Dengan ini, pihak syarikat mengesyorkan harga sejam perkhidmatan kawalan keselamatan dinaikkan supaya pihak syarikat dapat membuat bayaran gaji yang sepatutnya kepada para pengawal keselamatan. Jumlah harga besar kontrak adalah seperti dalam **Lampiran A**.

4. Sehubungan itu, pihak syarikat memohon jasa baik Tuan untuk mempertimbangkan dan memberi maklumbalas permohonan ini selowat-lewatnya pada 15 Mei 2022. Segala kerjasama dari pihak Tuan amat dihargai.

Sekian, harap maklum dan terima kasih.

Yang benar,



Hung Ming Seng
Perwakilan
Dayacop Security Services Sdn. Bhd. (H/P: 019-855 2828)

Head Office : No. 3648, 1st Floor, Jalan Dabek Mee Kheng Chiong, 93450 Kuching, Sarawak.
Tel : 982-252 820 Fax : 982-232 840 E-mail : dayacopsarawak@gmail.com